

PM lawat Filipina dua hari

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Filipina, bermula hari ini, lawatan rasmi sulungnya ke republik itu selepas dilantik menyandang jawatan Perdana Menteri Ke-10.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, Anwar akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Ferdinand R Marcos Jr dan kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan pelbagai perkara berkaitan kerjasama dua hala seperti kerjasama keselamatan, pertanian dan industri halal serta ekonomi digital.

Kedua-dua pemimpin juga dijadual akan membincangkan pelbagai isu serantau serta antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

“Lawatan ini mencerminkan hubungan akrab di antara Malaysia dan Filipina selaku jiran rapat serta negara anggota ASEAN.

“Ia juga akan memberi peluang kedua-dua pihak untuk memperkasa jaringan kerjasama dua hala bertunjangkan kepentingan bersama, peningkatan kerjasama ekonomi dan politik serta jalinan antara rakyat,” menurut kenyataan itu.

Anwar juga dijadual menyampaikan syarahan umum bertajuk ‘30 Tahun Selepas Gelombang Kebangkitan Asia: Pengajaran Strategik Buat ASEAN’ di Universiti Filipina serta mengadakan pertemuan dengan diaspora Malaysia di negara jiran berkenaan.

Beliau diiringi isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasion Ismail; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick serta pegawai kementerian dan agensi berkaitan.

BERNAMA